



TEKS UCAPAN PERASMIAN

OLEH

YBHG. DATO' ABD RAHMAN BIN HUSIN

**ANGGOTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
MENUNAIKAN FUNGSI PENERUSI SPA MENGIKUT PERKARA
142(3A) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN)**

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA SPA,

MELAKA

PADA 19 MAC 2012 (ISNIN)

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

Yang Berusaha Saudara/i Pengerusi Majlis,

Yang Berhormat Datuk Wira Omar bin Kaseh
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Ahli-Ahli Suruhanjaya

Yang Berbahagia Dato' Lamien bin Sawiyo,
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi
kesyukuran kehadiran Allah S.W.T, kerana dengan limpah izinnya kita

semua dapat berkumpul di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah ini sempena Majlis Perasmian Pusat Temu Duga SPA, Melaka.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua tetamu jemputan yang turut hadir bagi memeriahkan lagi majlis pada hari ini. Sesungguhnya majlis pada hari ini amat bermakna memandangkan usaha SPA mewujudkan pusat temu duga ini merupakan matlamat SPA untuk mendahulukan pelanggan dan mendekatkan lagi perkhidmatan SPA ke peringkat negeri. Sesungguhnya pembukaan Pusat Temu Duga SPA di Melaka ini akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada calon-calon yang berurusan dengan SPA khususnya bagi anak-anak negeri Melaka yang menghadiri temu duga. SPA percaya lokasi pusat temu duga yang amat strategik ini tentunya akan memberi kemudahan kepada calon menghadiri temu duga yang dikendalikan oleh SPA.

3. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan-Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri di Melaka yang banyak membantu SPA dari segi menyediakan bilik temu duga dan keperluan logistik sebelum pembukaan pusat temu duga ini. Walau bagaimanapun, SPA memahami kekangan dan masalah yang dihadapi oleh Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri di Melaka untuk menyediakan bilik temu duga yang sesuai terutama apabila

urusan temu duga diadakan dengan kerap dari semasa ke semasa yang melibatkan pelbagai jawatan.

Hadirin dan hadirat sekalian

4. Pusat Temu Duga Melaka ini dilengkapi infrastruktur moden dan lengkap dan dapat menampung sehingga 60 calon bagi satu-satu masa. Pusat temu duga ini juga dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan ujian fizikal bagi jawatan-jawatan yang mensyaratkan lulus ujian fizikal sebelum ditemu duga. Dengan kemudahan dan kelengkapan yang disediakan ini menunjukkan bahawa SPA amat prihatin dengan keperluan calon-calon yang dijemput menghadiri temu duga.

5. Bagi memberi nilai tambah, pembukaan pusat temu duga ini bukan sahaja dikhususkan untuk urusan temu duga sahaja, malah ianya turut menjadi pusat rujukan bagi pelanggan dan orang awam untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh SPA. Antaranya kemudahan permohonan jawatan secara *online* yang diberikan secara percuma. Selain itu, pusat temu duga ini juga berperanan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan panduan yang tepat mengenai jawatan yang bersesuaian berdasarkan kelayakan akademik melalui khidmat nasihat daripada pegawai bertugas. Panduan dan tatacara menghadiri temu duga anjuran SPA juga boleh didapati di pusat temu duga ini.

6. Berdasarkan perkembangan semasa, adalah menjadi hasrat SPA untuk memberikan khidmat terbaik dengan menjadikan pusat temu duga ini sebagai *One Stop Centre* yang berkeupayaan untuk menyalurkan maklumat kepada pelanggan seperti untuk pelajar-pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta pertubuhan-pertubuhan. Dengan kata lain, rakyat akan mendapat faedah dan nilai tambah daripada pembukaan pusat temu duga SPA ini bersesuaian dengan hasrat pucuk pimpinan negara iaitu “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Hadirin dan hadirat sekalian.

7. Sebagai Pihak Berkuasa Melantik yang bertanggungjawab menguruskan pelantikan pegawai-pegawai awam dalam perkhidmatan awam am persekutuan, cabaran utama yang dihadapi oleh SPA ini adalah untuk memilih pegawai awam yang terbaik di kalangan calon yang terbaik bagi melaksanakan agenda pembangunan negara. Peranan SPA ini perlu sentiasa seiring dengan hala tuju dan hasrat kepimpinan negara yang mengkehendaki pegawai yang dipilih merupakan pegawai yang berkualiti dan responsif serta mampu menggalas transformasi persekitaran kerja dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan demi kesejahteraan rakyat. Justeru itu sejajar dengan aspirasi kerajaan yang menekankan supaya pendekatan baru sentiasa diterokai dalam semua urusan jentera pentadbiran kerajaan, maka SPA telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan dan perubahan dalam proses kerja di SPA.

8. Proses transformasi terbesar bagi SPA ialah melaksanakan Kaedah Pengambilan Secara Profiling atau MyRecruitment dalam urusan pengambilan. Pelaksanaan kaedah ini bermakna, dalam melaksanakan urusan pengambilan, SPA bukan hanya berdasarkan kecemerlangan akademik semata-mata tetapi juga menitik beratkan aspek kompetensi yang sesuai dengan jawatan yang akan disandang. MyRecruitment juga bertujuan untuk mengesan calon yang mempunyai profil yang sesuai dari aspek personaliti, minat, sikap, kecerdasan dan kemahiran. Padanan antara keperibadian dan tugas serta jenis pekerjaan adalah penting bagi melahirkan pegawai awam yang ideal iaitu memiliki kemahiran yang sesuai dan berfikiran strategik supaya sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

9. Di samping itu, SPA juga telah memperkenalkan perkhidmatan secara *online* sepenuhnya. Melalui cara ini, sebarang semakan berkaitan urusan temu duga termasuk urusan peperiksaan boleh dibuat secara *online* dengan melayari Portal di www.spa.gov.my. Kaedah ini lebih memudahkan calon untuk mendapatkan maklumat mengenai temu duga dan peperiksaan dengan lebih cepat, tepat dan mudah. SPA juga turut memperkenalkan kemudahan Sistem Pesanan Ringkas atau *Short Messaging Service* (SMS) untuk membolehkan calon mendapatkan beberapa maklumat asas berhubung dengan permohonan mereka.

10. Manakala mulai 21 Februari 2011 lalu, SPA telah memperkenalkan penggunaan MyID dan Kata Laluan di dalam Borang Pendaftaran Pekerjaan di Sektor Awam (SPA8i). Kaedah ini diperkenalkan untuk memastikan keselamatan maklumat pemohon terjamin serta memberi kemudahan kepada calon seperti untuk mengemas kini maklumat permohonan dan membuat semakan status permohonan, semakan keputusan temu duga dan peperiksaan pada bila-bila masa.

11. SPA turut melakar sejarah apabila telah berjaya mendapat penarafan Portal 5 Bintang buat pertama kalinya di mana penilaian ini telah dibuat oleh *Multimedia Development Corporation (MDeC)*. SPA telah berada di tempat ke-13 daripada sejumlah 285 Agensi/ Kementerian/ Jabatan di seluruh Negara yang mendapat penganugerahan Portal 5 Bintang. Pencapaian ini amat membanggakan SPA sejajar dengan aspirasi kerajaan yang menekankan pendekatan baru perlu diterokai oleh setiap agensi kerajaan dalam semua urusan jentera pentadbiran kerajaan untuk kepentingan rakyat.

Hadirin dan hadirat sekalian.

12. Jika dilihat dari statistik pelantikan yang dijalankan oleh SPA pada tahun 2011, jumlah calon yang telah dilantik ke perkhidmatan awam adalah seramai 36,810 orang. Bagi statistik di kalangan anak-anak negeri Melaka pula bagi tahun 2011 menunjukkan seramai

8,846 calon telah ditemu duga dan seramai 1,886 calon telah berjaya dilantik ke pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam.

13. Pada kesempatan ini sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir pada majlis pada hari ini dan terima kasih juga kepada Urus Setia dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perasmian Pusat Temu Duga SPA, Melaka pada hari ini.

14. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir pada majlis pada hari ini dan semua pihak yang terlibat seperti Jabatan Penerangan, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan semua agensi kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis Perasmian Pusat Temu Duga SPA, Melaka pada hari ini.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Pusat Temu Duga SPA Melaka.

Sekian, Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.